

# Gandingan Zylane, Hua Wei hasilkan 'irama' emas

**KUALA LUMPUR 20 Ogos** - Pengorbanan Zylane Lee dan Gan Hua Wei meluangkan masa bersama-sama melebihi daripada keluarga masing-masing membuahkan hasil apabila berjaya merangkul emas Sukan SEA Ke-29 dalam acara renang berirama rutin duet bebas.

Selepas dikecewakan duo Singapura, Debbie Soh Li Fei dan Miya Yong Hsing dalam rutin duet teknikal semalam, gandingan negara cepat melupakan kekecewaan itu dengan bangkit

mempamerkan persembahan memukau di Pusat Akuatik Nasional, Bukit Jalil hari ini.

Gandingan negara yang turun dengan memakai pakaian berwarna ungu dipilih sebagai pemenang pingat emas selepas mengumpulkan 76.3000 mata mengatasi pasangan Singapura, dengan perbezaan 0.0667 manakala gangsa menjadi milik duo Indonesia yang memperoleh 71.4667 mata.

Zylane, 25, mengakui selepas sekadar meraih dua perak dalam acara sebelum ini, akhirnya emas yang didambakan berjaya diperolehi.

Jelasnya, sepanjang dua tahun sebelum Sukan SEA bermula, dia dan Hua Wei telah menjalani latihan keras dan memberi komitmen sepenuhnya terhadap persediaan sekali gus menghabiskan masa bersama-



**AKSI mantap yang dipamerkan oleh Zylane Lee dan Gan Hua Wei membolehkan gandingan tersebut meraih emas dalam acara renang berirama rutin duet bebas.**

sama lebih daripada dengan keluarga.

“Saya fikir ini kemenangan yang berbaloi untuk kami setelah bekerja keras dan memberi komitmen sepenuhnya sepanjang menjalani latihan,” katanya yang bergandingan buat kali pertama bersama Hua Wei.

Sementara itu, Hua Wei, 18, yang meraih pingat emas kedua peribadinya, di mana sebelum ini emas pertama dirangkulnya dalam acara rutin solo teknikal

Khamis lalu mempamerkan riak wajah yang cukup gembira.

Dalam pada itu, skuad renang berirama negara menutup tirai acara renang berirama dengan merangkul pingat perak dalam kategori berpasukan.

Singapura yang turun selaku juara bertahan mengekal emas apabila mengumpul 75.1333 mata menewaskan skuad negara di kedudukan kedua dengan 73.0667 manakala gangsa menjadi milik Indonesia (71.4667).



**Saya fikir ini kemenangan yang berbaloi untuk kami setelah bekerja keras dan memberi komitmen sepenuhnya sepanjang menjalani latihan.”**

**ZYLANE LEE**  
Atlet renang berirama